

Musa nafi penyelewengan dasar pendidikan negara

030

KUALA LUMPUR, Selasa – Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, hari ini membidas Pemuda Gerakan yang mendakwa berlaku penyelewangan dalam dasar pendidikan negara dan menganggapnya sebagai satu kenyataan yang tidak berasas.

Katanya, beliau tidak faham bagaimana dakwaan seumpama itu boleh timbul sedangkan kerajaan selama ini memberi sokongan dan layanan yang sama kepada semua sekolah, termasuk sekolah aliran Cina dan Tamil.

"Ini adalah dakwaan tidak berasas kerana semua sekolah baik sekolah kebangsaan dan sekolah jenjang kebangsaan, diletakkan di bawah Akta Pendidikan 1996 dan diselenggarakan oleh Menteri Pendidikan.

"Kementerian Pendidikan menggunakan asas yang sama iaitu setiap murid atau sekolah yang dibiayai adalah berdasarkan jumlah murid. Begitu juga dalam pembiayaan guru, buku teks dan juga kokurikulum," katanya di lobi Parlimen di sini.

Beliau berkata demikian

ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung Pemuda Gerakan, Hoo Saw Ho yang mendakwa berlaku penyelewangan dalam pelaksanaan dasar pendidikan serta layanan tidak setara kepada pelajar yang berlainan aliran sekolah.

Musa berkata, ada kira-kira 4,800 sekolah rendah kebangsaan di negara ini bagi menampung keperluan 2.3 juta murid. Ini bermakna satu sekolah menampung 500 murid.

Bagaimanapun, katanya, bagi sekolah aliran Cina,

ada 610,000 murid dan 1,284 sekolah iaitu satu sekolah menempatkan 475 murid, manakala bagi sekolah aliran Tamil pula, ada 520 sekolah dengan 90,000 murid yang mana setiap sekolah hanya menampung kurang daripada 200 murid.

"Dari segi nisbah, sekolah kebangsaan sebenarnya tidak mempunyai nisbah yang setanding dengan sekolah Cina, walaupun mereka yang memperjuangkan pendidikan Cina mengatakan sekolah mereka tak cukup.

"Sebenarnya, yang tidak cukup adalah sekolah kebangsaan dan kerana itu lah, kerajaan perlu memberi perhatian kepada sekolah kebangsaan yang menempatkan murid dari semua kaum," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata dakwaan kementerian menganaktirikan sekolah Cina dan Tamil adalah tidak benar.

Mengenai kenyataan Ahli Jawatankuasa Pusat Gerakan, Dr Toh Kin Woon yang mengatakan isu perpaduan tiada kaitan dengan sistem pendidikan, Musa berka-

ta perkara itu adalah sesuatu yang tidak akan di terima oleh mereka yang arif mengenai pendidikan.

"Pendidik dan ahli politik sepautunya menerima bahawa pendidikan adalah satu aktiviti penting dalam mewujudkan perpaduan di dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Memang ada perkara lain seperti sosio-ekonomi dan keadilan, tetapi pendidikan adalah unsur yang terpenting bagi perpaduan. Jika sistem pendidikan itu pincang, negara akan menuju kehancuran," katanya.